



**KENYATAAN MEDIA**  
**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**15 Ramadhan 1441 / 09 Mei 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Sabtu, 15 Ramadhan 1441H bersamaan 09 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** yang telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 132 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **8 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan, manakala

seorang lagi kini hanya memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada ketika ini, seramai **132 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,575 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 182 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 15,482 ujian.
5. Seterusnya, mengenai dengan kajiselidik COVID-19 yang telah dilaksanakan bermula pada 4 Mei 2020 dan berakhir pada 6 Mei 2020 yang mana kajiselidik ini bertujuan untuk memberikan gambaran mengenai anggaran kadar jangkitan tersebut di kalangan masyarakat di negara ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa seramai 527 orang daripada 5 buah fasiliti kesihatan yang terpilih di seluruh negara telah dipelawa mengikuti kajiselidik tersebut. Penganalisaan awal telah mendapati 6 orang peserta kajiselidik didapati mempunyai antibodi bagi virus SARS-CoV-2 akan tetapi penyiasatan lanjut melalui ujian swab bagi virus SARS-CoV-2 adalah negatif. Ini memberikan gambaran bahawa mereka mungkin pernah

dijangkiti virus tersebut walau bagaimanapun mereka tidak mempunyai jangkitan aktif pada masa sekarang. Hasil kajiselidik seperti ini boleh membantu Kementerian ini menganggarkan kadar kekebalan penduduk atau *population immunity* bagi sesuatu jangkitan. Kementerian Kesihatan sedang merancang untuk meneruskan kajiselidik ini di masa akan datang.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga kita dirahmati dan segala amalan kita di terima dibulan yang mulia ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberikan kesembuhan kepada semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan agar Negara Brunei Darussalam dibebaskan daripada wabak COVID-19.**

**Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 15 Ramadhan 1441H / 09 Mei 2020